

Kes denggi Johor meningkat 100 peratus

BH ONLINE | Selasa, 3 September 2019 | 12:33pm

JOHOR BAHRU: Kes demam denggi di negeri ini mencatat kadar amat membimbangkan apabila merekodkan peningkatan lebih 100 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

EXCO Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd Khuzzan Abu Bakar, berkata Mesyuarat Petugas Khas Denggi akan diadakan minggu depan bagi mencari kaedah terbaik menangani peningkatan drastik kes denggi di negeri ini.

"Sebanyak 7,761 kes denggi direkodkan sehingga 31 Ogos lalu iaitu peningkatan sebanyak 101.2 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

"Berbanding tahun lalu yang hanya merekodkan sebanyak 3,857 kes malah jumlah kematian akibat denggi juga meningkat tahun ini iaitu sebanyak 19 berbanding 12 tahun lalu.

"Antara punca utama peningkatan mendadak kes denggi di Johor adalah akibat pembuangan sampah yang tidak teratur selain sikap degil dan tidak bekerjasama penduduk membersihkan kawasan masing-masing serta tidak membenarkan premis mereka dimasuki untuk diperiksa dan dibuat kawalan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melepaskan skuad Program Skuad Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) bagi Operasi Penguatkuasaan Premis Individu (OPPI) di Taman Damai Jaya, Skudai, dekat sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Kesihatan Johor (Kesihatan Awam), Dr Shaharom Nor Azian Che Mat Din.

Mohd Khuzzan berkata, Johor Bahru kekal sebagai daerah tertinggi kes denggi apabila mencatatkan 74.8 peratus kes diikuti Kluang (6.1 peratus).

Katanya, Kulai (4.2 peratus), Batu Pahat (3.5 peratus), Muar (2.4 peratus), Kota Tinggi (2.1 peratus), Segamat (2 peratus), Tangkak (1.9 peratus), Pontian (1.5 peratus) dan Mersing (1.4 peratus).

"Sehingga minggu ke-34, sebanyak 3,511 kompaun dikeluarkan seluruh Johor yang berjumlah RM1.74 juta," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Kesihatan Johor akan mengambil tindakan lebih drastik jika penduduk terus berdegil dan tidak memberikan kerjasama kepada skuad OPPI melakukan tugas mereka membuat pemeriksaan dan kawalan penyakit.

"Tindakan akan dimulakan dengan menampal notis di rumah penduduk bagi tempoh dua minggu dan jika masih tiada kerjasama, pegawai penguat kuasa akan meninggalkan nombor telefon mereka untuk dihubungi.

"Namun jika kerjasama masih tidak diberikan, tindakan pecah rumah akan dibuat dengan kehadiran Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.